



Headline: 25,000 kertas siasatan kes jenayah komersial Language: Malay  
dibuka

Publication/Portal: Berita Harian  
Date: 31 January 2020

Section: Nasional  
Page: 18

# 25,000 kertas siasatan kes jenayah komersial dibuka

Babit kerugian  
RM6.2 bilion  
tahun lalu  
di seluruh negara

Oleh Zuliaty Zulkiffli  
bhnews@bh.com.my

**Alor Setar:** Sebanyak 25,000 kertas siasatan membabitkan kes jenayah komersial dibuka di seluruh negara membabitkan nilai kerugian RM6.2 bilion, tahun lalu.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman, Datuk Seri Mohd Zakaria Ahmad, berkata sepanjang tempoh sama, pihaknya menahan 15,000 individu terbabit kegiatan jenayah itu.

“Daripada jumlah jenayah komersial dicatatkan, sebanyak 65 peratus membabitkan penipuan scam, termasuk kes pinjaman tidak wujud, Macau Scam, Love Scam dan African Scam yang menggunakan internet sebagai medium untuk mencari mangsa. “Penjenayah yang melakukan jenayah komersial ini sebenarnya tidak memerlukan tenaga atau masa yang banyak kerana hanya perlukan internet dan telefon bimbit.

“Mereka cuba nasib, dalam 10 orang mereka tipu mesti akan ada seorang terpedaya. “Mangsa pula bukan calang-calang, ada antara mereka doktor dan pensyarah perubatan, malah ada membuat transaksi mencecah RM12 juta,” katanya kepada pemberita di sini, semalam.

Terdahulu, beliau menyampaikan pingat Jasa Pahlawan Negara (PJPN) Siri 1/2020 kepada 396 penerima di Ibu Pejabat Polis



**Mohd Zakaria (kanan)** menyampaikan pingat **Jasa Pahlawan Negara Siri 1/2020** di Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kedah, Alor Setar, semalam. (Foto ihsan PDRM)

Kontinjen (IPK) Kedah yang turut dihadiri Timbalan Ketua Polis Kedah, Datuk Muhammad Azlee Abdullah.

Mohd Zakaria meminta masyarakat lebih peka dan melakukan semakan dengan pihak berkuasa atau agensi terbabit sekiranya menerima panggilan atau khidmat pesanan ringkas (SMS) meragukan bagi mengelak kerugian.

“Kita (JSJK) sudah banyak buat kempen kesedaran berkaitan penipuan scam ini, tetapi masih ramai lagi yang tertipu.

“Kepercayaan kepada penjena-

yah scam ini semakin meningkat sebab itu ada kalangan terpelajar dan profesional yang turut terpedaya.

“Kita minta masyarakat untuk tidak memberikan nombor akaun peribadi dan menyemak terlebih dahulu sebelum melakukan transaksi ke dalam akaun diberikan. Proses transaksi sekarang pula sangat mudah kerana semuanya dalam-talian sahaja,” katanya.

Beliau berkata, masyarakat boleh bertanya atau menyalurkan aduan berkaitan penipuan scam atau jenayah komersial menerusi

laman sosial media PDRM serta menghubungi atau datang ke balai polis berdekatan.

Dalam perkembangan lain, Mohd Zakaria berkata, sindiket pinjaman wang atau along dikesan menjual kad mesin pengeluaran wang automatik (ATM) milik peminjam pada harga RM300 kepada pihak tertentu bagi mengaut keuntungan segera.

Beliau berkata, kegiatan itu terbongkar selepas beberapa siri tangkapan dilakukan mendedahkan sindiket terbabit dipercayai menjual kad ATM milik peminjam.